

buletin salam

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

Bil : 5 / 2025
no. ISSN 1985 7624



Rukun Negara

Tonggak Perpaduan dan
Kesejahteraan Negara

MEI
2025

ISSN 1985 - 7624



SIDANG REDAKSI SALAM



© 2025 Hak Cipta Terpelihara
Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan,
ulangka, disimpan dalam sistem dapat kembali atau
disiarkan dalam apa-apa jua perkara samada secara
elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain
sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarang.

PENASIHAT

Puan Nuzulnisa binti Barudin @ Kamarudin

KETUA PENGARANG

Encik Mohd Kamal Afif bin Rameli

PENOLONG KETUA PENGARANG

Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

Puan Nur Fatihah binti Amran

SIDANG PENGARANG

Sidang Redaksi Salam

GRAFIK

Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

Encik Mazli bin Che Mamat

FOTOGRAFI

Unit Media PPAT

PENERBIT

Sidang Redaksi SALAM
Perbadanan Perpustakaan Awam
Terengganu



www.trglib.gov.my



PPATerengganu



@PPATerengganu



PPAT TV



PPATerengganu



terengganulibrary

SELAMAT DATANG KE PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU (PPAT)

5 Mei 2025 | ISNIN - PPAT mengucapkan selamat datang dan selamat bertugas kepada Puan Nuzulnisa binti Barudin@Kamarudin (Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu).

Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan diikuti dengan sesi suai kenal bersama-sama Ketua Bahagian dan Unit. Sesi ini dimulakan dengan pembentangan pengenalan, fungsi dan struktur organisasi PPAT yang telah disampaikan oleh Encik Rijaluddin bin Muda (Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan). Secara keseluruhan, penerangan yang disampaikan telah memberi gambaran berkaitan PPAT dalam melaksanakan fungsinya kepada masyarakat.

Hasil daripada pembentangan, Puan Pengarah mengharapkan komitmen yang sedia ada dalam memacu PPAT dapat diteruskan sebagai ejen penyebaran maklumat kepada masyarakat.

Selain itu, Puan Pengarah juga mengharapkan hubungan erat antara agensi dapat dijaga disamping membentuk warga kerja yang kompeten dan berintegriti, selaras dengan aspirasi pembangunan negeri Terengganu.





Puan Zuliana binti Jusoh
1977 - 2025

15 MEI 2025 Bersamaan 17 Zulkaedah 1446H

إِنَّا لِهِ مَا إِنَا إِلَّا مُجْعَلٌ

"Sesungguhnya kita milik Allah, dan
kepada-Nya lah kita kembali"

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْمَلِكِ الْعَالِمِ الْحَرَّاجِيِّ مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ الَّذِي لَا يَنْعَدُ وَلَا يَنْهَا
نَسْتَعِينُ أَهْنَ الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ صِرَاطَ الَّذِينَ نَعْصَنَ عَلَيْهِ عَزَّى
الْمُغْنِثِ بِعَلَيْهِ رَفِيقُ الْأَضْلَالِينَ

Warga PPAT telah dikejutkan dengan berita pemergian salah seorang kakitangan kami yang dikasihi, Puan Zuliana binti Jusoh, yang telah kembali ke rahmatullah sekitar jam 1.00 petang. Salam takziah diucapkan kepada seluruh ahli keluarga arwah. Semoga mereka diberikan kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi kehilangan ini.

Ya Allah, Ampunilah arwah, rahmatilah dirinya, maafkan segala dosanya, muliakanlah kematiannya, lapangkanlah kuburnya, jadikanlah syurga sebagai tempat tinggalnya yang abadi, dan tempatkanlah dia dalam kalangan para kekasih-Mu serta orang-orang yang beriman.

MAJLIS SOLAT HAJAT, TAHLIL & DOA MUNAJAT PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

Kuatkan Saf, Tingkatkan Komitmen, Serah Urusan Kepada Allah

KUALA TERENGGANU, 22 Mei 2025 – Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah menganjurkan Majlis Solat Hajat, Tahlil dan Doa Munajat sebagai usaha memperkuatkhan kekuatan rohani dan perpaduan dalam kalangan warganya. Majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna, PPAT ini merupakan inisiatif jabatan yang dikelolakan oleh Biro Kebajikan & Agama, Kelab Sukan PPAT (PERPAT).

Majlis dimulakan dengan solat hajat secara berjemaah, diikuti dengan bacaan doa munajat memohon kelancaran segala urusan perancangan dan gerak kerja PPAT, serta memperteguh kesatuan saf dan iltizam dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Majlis yang dipimpin oleh Imam En. Shafie Wahab turut menzhahirkan solidariti bersama umat Islam di seluruh dunia apabila doa khusus dibacakan untuk saudara-saudara kita di Palestin yang kini berhadapan dengan penindasan rejim Zionis Israel. Semua kakitangan yang terlibat bersatu hati memohon agar mereka diberikan kekuatan, ketabahan serta kemenangan dari Allah SWT. Dalam suasana penuh keinsafan, turut diadakan bacaan tahlil untuk dihadiahkan kepada warga PPAT yang telah meninggal dunia, khususnya Allayaharhamah Puan Zuliana binti Jusoh, serta semua bekas kakitangan yang telah kembali ke rahmatullah.

Doa dipanjatkan agar roh mereka dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang beriman.

Pengarah PPAT, Puan Nuzulnisa binti Barudin @ Kamarudin, dalam ucapan ringkas beliau menyeru seluruh warga kerja untuk terus mengekalkan nilai kesatuan dan ketekunan dalam bekerja, selari dengan usaha memperkuuh jati diri organisasi. "Majlis sebegini menjadi ruang untuk kita bermuhasabah dan memperbaharui niat. Saya berharap semua warga PPAT akan terus memberi komitmen yang tinggi dalam tugas, bekerja dengan ikhlas dan saling memperkuuh sesama rakan sekerja," ujar beliau.

Majlis ini merupakan sebahagian daripada pendekatan menyeluruh PPAT dalam pembangunan nilai spiritual dan kebajikan kakitangan, seiring dengan matlamat mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni dan berteraskan nilai-nilai Islam.



MAJLIS SOLAT HAJAT & DOA MUNAJAT
BERSAMA PENGARAH PPAT



MAJLIS SOLAT HAJAT & DOA MUNAJAT
BERSAMA PENGARAH PPAT



MAJLIS SOLAT HAJAT & DOA MUNAJAT
BERSAMA PENGARAH PPAT



MAJLIS SOLAT HAJAT & DOA MUNAJAT
BERSAMA PENGARAH PPAT

Exploring Health
GASTRO SERIES



IRRITABLE BOWEL SYNDROME



Dr. Madhav Kudva

Exploring Health
GASTRO SERIES



QUESTIONS & ANSWERS



Dr. Madhav Kudva

Exploring Health
GASTRO SERIES



DIARRHEA



Dr. Madhav Kudva

BPPK ANJUR KURSUS ASAS PENGURUSAN PERPUSTAKAAN UNTUK PELAJAR DAN GURU SEKOLAH

PPAT | Mei 2025 – Bahagian Pengurusan & Pembangunan Koleksi (BPPK), Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah menganjurkan Kursus Asas Pengurusan Perpustakaan sebanyak tiga (3) siri melibatkan 6 buah sekolah rendah dan menengah sekitar Kuala Terengganu. Kursus ini telah disertai oleh seramai 119 pelajar dan 19 orang guru, dengan matlamat utama untuk memberi pendedahan awal kepada para peserta mengenai fungsi serta pengurusan pusat sumber sekolah secara sistematik.

Kursus ini telah disertai oleh seramai 119 pelajar dan 19 orang guru, dengan matlamat utama untuk memberi pendedahan awal kepada para peserta mengenai fungsi serta pengurusan pusat sumber sekolah secara sistematik.



Antara pengisian utama kursus ini merangkumi:

- Tatacara kerja sebagai Pengawas Pusat Sumber Sekolah
- Proses perolehan dan pengurusan bahan perpustakaan
- Kemahiran mengkatalog dan mengelas bahan bacaan
- Proses teknik dan susun surat bahan

Selain sesi teori, peserta juga telah menjalani latihan praktikal dan kuiz interaktif sebagai kaedah penilaian serta pemahaman terhadap modul yang dipelajari.

Sebagai penutup, kursus ini turut diselitkan dengan sesi orientasi perpustakaan PPAT, di mana peserta diberi penerangan mengenai kemudahan, perkhidmatan serta koleksi yang terdapat di perpustakaan awam bertujuan menggalakkan penggunaan perpustakaan dalam kalangan pelajar dan guru.



TAKLIMAT PERKHIDMATAN U-PUSTAKA SEMPENA PROGRAM E-READ 2025 DI SSTP MARANG, TERENGGANU



MARANG | 6 – 7 Mei 2025 – Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah dijemput untuk menyampaikan Taklimat Perkhidmatan u-Pustaka sempena Program E-Read 2025: Membaca Ke Arah Masa Depan Digital yang telah berlangsung di Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP), Marang.

Program ini berjaya menghimpunkan seramai 378 orang pelajar sekolah rendah dan menengah dari seluruh Terengganu. Objektif utama program adalah untuk memupuk minat membaca secara digital dalam kalangan pelajar, selaras dengan keperluan pendidikan abad ke-21.

PPAT mengambil peluang ini untuk:

- Memperkenalkan perkhidmatan u-Pustaka, iaitu platform bacaan digital percuma yang boleh diakses oleh semua ahli perpustakaan.
- Mempromosikan perkhidmatan yang tersedia di semua rangkaian Perpustakaan Awam Negeri Terengganu.
- Menggalakkan pelajar menjadi ahli perpustakaan dan menggunakan kemudahan pembacaan secara dalam talian serta fizikal.

Program ini turut memberikan pendedahan secara langsung kepada pelajar tentang cara mendaftar akaun u-Pustaka, serta jenis bahan digital yang boleh diakses seperti e-buku, e-majalah, dan sumber ilmiah lain.

PPAT merakamkan penghargaan kepada pihak SSTP Marang atas jemputan dan inisiatif dalam memperluas budaya membaca secara digital dalam kalangan pelajar. Semoga usaha murni ini terus memberi manfaat berpanjangan dalam membentuk generasi yang celik maklumat, cinta ilmu dan teknologi.



BENGKEL PEMURNIAN MYPERFORMANCE PERKUKUH KECEKAPAN PENILAIAN PRESTASI

PPAT | 11 Mei 2025 – Unit Pentadbiran dan Sumber Manusia, Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah menganjurkan Bengkel Pemurnian MyPerformance bagi memperkuuh kefahaman dan kecekapan pelaksanaan sistem penilaian prestasi penjawat awam di peringkat jabatan.

Bengkel ini telah disertai oleh 19 orang pegawai dan ketua unit/bahagian dan dikendalikan oleh Encik Hamidi bin Ramli daripada Unit Pentadbiran dan Sumber Manusia, PPAT.

Objektif Bengkel:

- Memastikan penyelarasan data dan pelaksanaan Sasaran Penghasilan Kerja (SPK) secara sistematik.
- Memantapkan pemahaman terhadap komponen penting seperti Nilai Sepunya.
- Peranan Pegawai Penilai & Penilai Kedua, serta tatacara pengisian sistem.
- Menyokong penggunaan sistem MyPerformance secara berkesan menjelang pelaksanaannya secara penuh.

Sistem MyPerformance, yang bakal menggantikan sistem penilaian terdahulu, merupakan inisiatif baharu kerajaan bagi meningkatkan ketelusan, keadilan dan keberkesanannya dalam pengurusan prestasi penjawat awam.

Program ini mencerminkan komitmen PPAT dalam mengekalkan budaya kerja berprestasi tinggi yang telus, berintegriti dan berorientasikan kecemerlangan.



BENGKEL PEMURNIAN MyPERFORMANCE SKU
AGENSI DAN BAHAGIAN SIRI 1 2025



BENGKEL PEMURNIAN MyPERFORMANCE SKU
AGENSI DAN BAHAGIAN SIRI 1 2025



HRMIS 2.0
Sistem Maklumat Pengurusan
Sumber Manusia

UNIT MEDIA
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU
www.ppbt.gov.my [@ppbtterengganu](#) [ppbt@ppbt.gov.my](#) [@ppbtterengganu](#) [ppbt_tv](#) [terengganutv](#)

BENGKEL PEMURNIAN MyPERFORMANCE SKU
AGENSI DAN BAHAGIAN SIRI 1 2025

PASUKAN DART & E-SPORT PERPAT PPAT TAMPIL BAGI SAINGAN DALAM INDOOR GAMES MAKSAK TERENGGANU 2025.

PPAT | 15 Mei 2025 – Kelab Sukan Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PERPAT) sekali lagi membuktikan komitmennya dalam menyokong gaya hidup sihat dan holistik dalam kalangan penjawat awam apabila menghantar wakil bagi menyertai Indoor Games MAKSAK peringkat Negeri Terengganu 2025 yang berlangsung di Function Hall, Tingkat 8, Kompleks Paya Bunga Sentral, Kuala Terengganu, Terengganu.

Pasukan PERPAT telah menghantar penyertaan dalam dua kategori utama iaitu dart kategori beregu lelaki dan e-SPORT EAFC 25 kategori individu. Bagi acara dart, PERPAT mempertaruhkan dua pasukan beregu lelaki yang diwakili oleh En. Azmi, En. Mazli, En. Izuan, En. Hasrul dan En Fauzi selaku Pengurus Pasukan menampilkan aksi memberangsangkan sepanjang kejohanan berlangsung. Kedua-dua regu menunjukkan disiplin tinggi dan ketepatan lontaran yang membanggakan, sekali gus membuktikan bahawa semangat berpasukan dan fokus bukan hanya berada dalam ruang kerja, malah turut diterjemahkan di gelanggang sukan. Sementara itu, bagi kategori e-SPORT EAFC 25 acara individu, PERPAT diwakili oleh En. Roslee, En. Hafizi dan En Idris selaku Pengurus Pasukan yang

Menurut Pengurus PERPAT, En. Che Wan Johaizal, penyertaan kali ini merupakan sebahagian daripada usaha memperkasa gaya hidup sihat dan menyeluruh dalam kalangan kakitangan perpustakaan. "Kami percaya bahawa kakitangan yang aktif dalam sukan akan membawa semangat kerja berpasukan dan ketahanan mental yang lebih tinggi dalam tugas harian. Penyertaan ini juga selaras dengan imej PPAT sebagai institusi ilmu yang progresif dan terbuka kepada cabaran semasa," katanya. Tambah beliau, sukan juga menjadi platform terbaik untuk membina jaringan antara agensi dan menyemarakkan semangat kekitaan dalam kalangan penjawat awam negeri.

Indoor Games MAKSAK Terengganu 2025 menyaksikan penyertaan daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan negeri dan persekutuan, dengan pelbagai acara sukan dalaman dipertandingkan termasuk dart, catur, karom, dan e-SPORT (EAFC 25 dan Mobile Legend).



PPAT MERIAHKAN KEMENGAHAN KESEDARAN OBESITI HSNZ 2025 DENGAN PERTANDINGAN MEWARNA

KUALA TERENGGANU | 17 Mei 2025 –

Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah menyertai Kempen Kesedaran Obesiti Peringkat Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) 2025, anjuran Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) bertempat di Dataran Batu Buruk, Kuala Terengganu.

Sebagai salah satu acara yang memeriahkan program Fun Run & Fun Walk sempena kempen tersebut, Pertandingan Mewarna anjuran PPAT telah diadakan dengan melibatkan tiga kategori peserta:


- Kategori Prasekolah
- Kategori Tahap I
- Kategori Tahap II

Pertandingan ini bertujuan memberi pendedahan awal kepada kanak-kanak tentang gaya hidup sihat melalui pendekatan kreatif dan menyeronokkan.



Selain pertandingan mewarna, PPAT turut mengadakan:

- Pameran perkhidmatan perpustakaan
- Pendaftaran keahlian perpustakaan
- Jualan buku terbitan PPAT



KARNIVAL TECH.COM 2025, KAKITANGAN PPAT SERTAI BENGKEL DRONE SOCCER

KUALA TERENGGANU, 20 Mei 2025 - Pusat Sains & Kreativiti Terengganu (PSKT) terus memperkuuh peranannya sebagai pemangkin pendidikan STEM di negeri ini menerusi penganjuran Karnival TECH.COM 2025 yang berlangsung selama tiga hari bermula 20 hingga 22 Mei 2025.

Karnival ini menghimpunkan pelbagai aktiviti interaktif dan pendidikan teknologi seperti pameran inovasi, cabaran robotik, realiti maya, simulasi digital dan bengkel teknologi terkini. Acara ini berjaya menarik ribuan pengunjung termasuk pelajar sekolah, belia, pendidik, agensi kerajaan serta keluarga.

Antara program yang mendapat perhatian ialah Bengkel Drone Soccer, iaitu satu sukan berteknologi tinggi yang menggabungkan elemen kawalan drone dan konsep bola sepak. Peserta diberi latihan asas tentang pengendalian drone dalam bentuk perlawanan berkumpulan, sambil mempelajari aspek keselamatan, penyelenggaraan dan koordinasi pasukan.

Menariknya, Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) turut menghantar wakil seramai tiga orang kakitangan bagi menyertai bengkel ini. Mereka terdiri daripada Encik Fauzi, Encik Mazli dan Encik Fadli, yang masing-masing menunjukkan minat mendalam terhadap teknologi pendidikan dan inovasi digital.

Menurut salah seorang peserta, Encik Fauzi, penyertaan mereka bukan hanya untuk mencuba aktiviti baharu, tetapi juga sebagai usaha meneroka pendekatan teknologi yang boleh diterapkan dalam program pembudayaan ilmu di perpustakaan.

"Kami melihat Drone Soccer ini sebagai satu potensi aktiviti pendidikan yang mampu menarik minat golongan muda kepada perpustakaan. Inisiatif seperti ini boleh dijadikan program outreach yang moden dan relevan," katanya.

Karnival TECH.COM 2025 turut menampilkan kerjasama agensi pendidikan, penggiat teknologi tempatan, institusi pengajian tinggi serta pengusaha industri kreatif. Terdapat juga sesi ceramah, booth interaktif dan jualan teknologi tempatan sepanjang program berlangsung.



LAWATAN KHAS ADUN BELIA DAN KAKITANGAN UBSNT KE PPAT



LAWATAN KHAS ADUN BELIA DAN KAKITANGAN UBSNT

UNIT MEDIA
AJAR TERENGGANU

www.trglib.gov.my [PPATerengganu](#) [@PPATerengganu](#) [PPAT TV](#) [PPATerengganu](#)



LAWATAN KHAS ADUN BELIA DAN KAKITANGAN UBSNT

UNIT MEDIA
AJAR TERENGGANU

www.trglib.gov.my [PPATerengganu](#) [@PPATerengganu](#) [PPAT TV](#) [PPATerengganu](#)

Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT) telah menerima kunjungan khas daripada YB. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tepoh, bersama ADUN Belia dan kakitangan Unit Belia dan Sukan Negeri Terengganu (UBSNT).

Lawatan ini bertujuan untuk meninjau kemudahan dan koleksi bahan bacaan berkaitan Negeri Terengganu yang terdapat di perpustakaan. Puan Majidah Binti Che Ali, Ketua Unit Koleksi Tempatan dan Pendigitalan PPAT, telah memberikan taklimat ringkas berkenaan Sudut Koleksi Terengganu (KTG) — sebuah sudut khas yang menempatkan pelbagai bahan rujukan mengenai sejarah, budaya, tokoh, serta pembangunan Negeri Terengganu.

Pihak PPAT mengucapkan terima kasih atas kunjungan ini dan berharap semua tetamu berpuas hati dengan layanan serta penerangan yang diberikan.



LAWATAN KHAS ADUN BELIA DAN KAKITANGAN UBSNT

UNIT MEDIA
AJAR TERENGGANU

www.trglib.gov.my [PPATerengganu](#) [@PPATerengganu](#) [PPAT TV](#) [PPATerengganu](#)



LAWATAN KHAS ADUN BELIA DAN KAKITANGAN UBSNT

UNIT MEDIA
AJAR TERENGGANU

www.trglib.gov.my [PPATerengganu](#) [@PPATerengganu](#) [PPAT TV](#) [PPATerengganu](#)



LAWATAN KHAS ADUN BELIA DAN KAKITANGAN UBSNT

UNIT MEDIA
AJAR TERENGGANU

www.trglib.gov.my [PPATerengganu](#) [@PPATerengganu](#) [PPAT TV](#) [PPATerengganu](#)

PROGRAM LEARNXPERIENCE: EXPLORE, PLAY AND LEARN



25 Mei 2025, KUALA TERENGGANU – Program Learnxperience: Explore, Play and Learn anjuran Kelab Rural Engagement & Student Community Outreach Mission (RESCOM), UiTM Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah berjaya menarik penyertaan seramai 60 pelajar Tahun 1 dari sekolah-sekolah rendah sekitar Kuala Terengganu. Bertempat di PPAT dan berlangsung dari 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari, program ini bertujuan memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar sambil memperkenalkan pendekatan pembelajaran interaktif dan menyeronokkan. Ia turut menjadi platform kerjasama antara institusi pengajian tinggi dan agensi kerajaan dalam memperkasa komuniti melalui pendidikan.

Antara aktiviti utama yang mencuri tumpuan pelajar termasuk:

- Permainan Realiti Maya (VR)
- Art 3D@Wall
- Football Robot Challenge
- Permainan Pendidikan Interaktif
- Pertandingan Jumbo Puzzles

Program ini memberi pendedahan kepada pelajar terhadap teknologi, kreativiti dan pembelajaran secara 'hands-on' yang menyeronokkan, jauh dari kebiasaan pembelajaran di bilik darjah.

Program ini berjaya mengukuhkan interaksi dua hala antara mahasiswa UiTM, institusi pendidikan dan masyarakat setempat. Ia menjadi bukti bahawa kerjasama strategik antara institusi pengajian dan agensi kerajaan mampu mencetus impak positif yang mendalam terhadap pembentukan minat terhadap ilmu dan teknologi sejak usia muda.

Semoga program seumpama ini diteruskan dan diperluas manfaatnya untuk lebih ramai pelajar di masa akan datang.

PPAT SOKONG USAHA MEMARTABATKAN BAHASA MELALUI PROGRAM NADIM BAHASA 2025

27 Mei 2025 | PPAT – Program Nadim Bahasa 2025 anjuran Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan kerjasama Pusat Bahasa Terengganu (PBT) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah berlangsung dengan penuh meriah dan berjaya.

Program ini melibatkan penyertaan seramai 60 pelajar daripada tiga buah sekolah menengah agama sekitar Kuala Terengganu, iaitu:



- Sekolah Menengah Agama Khairiah
- Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin Ladang
- Sekolah Menengah Agama Marang

Antara aktiviti menarik sepanjang program termasuk:

- Bengkel Debat
- Pertandingan Debat
- Bicara Alumni UniSZA
- Aktiviti interaktif bersama fasilitator

Program ini turut membuka ruang untuk perkongsian pengalaman, kemahiran berbahasa, dan pembangunan komunikasi efektif dalam kalangan pelajar melalui pendekatan yang mesra, mendidik dan bermanfaat.

Tahniah diucapkan kepada semua peserta, fasilitator, dan pihak pengajur atas kejayaan pengajuran ini. Semoga program seumpama ini dapat diteruskan demi memperkuatkuk penguasaan bahasa dalam kalangan generasi muda.



PPAT DI PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2025

Pada 29 Mei 2025 – Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah menyertai Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2025 yang berlangsung di Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur. Penyertaan PPAT bertempat di booth 5-14 di bawah naungan Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Malaysia (MPAM).



Kehadiran kami kali ini dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti interaktif, jualan menarik dan pameran bermanfaat kepada ribuan pengunjung dari seluruh negara.



Aktiviti Menarik di Booth PPAT:

- Pameran Perkhidmatan Perpustakaan
Memperkenalkan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan PPAT kepada masyarakat, khasnya warga negeri Terengganu.
 - Jualan Produk Tradisional Terengganu
Keropok dan snek tradisi Terengganu laris dan mendapat sambutan hangat pengunjung.
 - Jualan Buku Terbaharu
Buku-buku seperti Ulama Terengganu dan Orang Terengganu dijual dengan diskaun istimewa.
 - Teka Berat Buku
Aktiviti santai yang mencabar pengunjung meneka berat buku — hadiah menarik menanti pemenang.
 - Permainan Dalaman Mesra Keluarga
Aktiviti santai dan menyeronokkan bersama keluarga, dikendalikan oleh petugas PPAT yang ramah dan berdedikasi.

Puan Nuzulnisa binti Barudin @ Kamardin, Pengarah PPAT, turut hadir memeriahkan suasana serta beramah mesra dengan pengunjung dan rakan pustakawan dari seluruh negara.

PPAT merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pengunjung yang singgah ke booth kami. Sokongan anda menjadi pemangkin semangat kami untuk terus memperkasa budaya membaca dan cinta ilmu.



A photograph of a rural landscape. In the foreground, there's a field with tall grass and small white flowers. A simple wire fence runs across the middle ground. Beyond the fence, there's a misty clearing with several houses and more trees. The sky is overcast and hazy.

“ Setiap Kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab atas apa yang dipimpinnya. ”

HR Bukhari



Rukun Negara

Tonggak Perpaduan dan Kesejahteraan Negara

Rukun Negara diperkenalkan sebagai pengikat dan pembina semangat cintakan tanah air dalam kalangan rakyat Malaysia. Ia merupakan asas penting dalam membentuk masyarakat yang bersatu padu, selari dengan matlamat negara untuk menjadi sebuah bangsa yang demokratik, adil, dan progresif.

Sebagai tonggak negara, Rukun Negara mengandungi lima prinsip utama yang menjadi panduan dalam setiap aspek pentadbiran, pembangunan, dan kehidupan bermasyarakat. Prinsip-prinsip ini adalah kunci kepada keharmonian dan perpaduan nasional, yang menjadi tunjang kepada kejayaan dan kestabilan negara.

5 Prinsip Rukun Negara:

- 1) Kepercayaan kepada Tuhan
- 2) Kesetiaan kepada Raja dan Negara
- 3) Keluhuran Perlembagaan
- 4) Kedaulatan Undang-undang
- 5) Kesopanan dan Kesusilaan

Rukun Negara bukan sekadar slogan – ia adalah komitmen bersama rakyat Malaysia untuk terus hidup dalam suasana aman, saling menghormati dan bekerjasama demi kemajuan negara yang tercinta.

PEMENANG "PINJAM DAN MENANG"



Tahniah diucapkan kepada semua pemenang "Pinjam & Menang" Sesi I yang telah berlangsung dengan jayanya pada 10 Mei 2025. Terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian dan menyokong program ini.

Kepada yang belum berpeluang, jangan risau, kita akan berjumpa lagi dalam Sesi II pada bulan Ogos nanti! Teruskan menyokong aktiviti galakan membaca bersama kami di PPAT Terengganu.

AKTIVITI HUJUNG MINGGU FUN TIME: ANIMALS COOTIE CATCHERS



Alhamdulillah, seramai 30 orang peserta telah menyertai aktiviti hujung minggu kali ini yang bertemakan "Fun Time: Animals Cootie Catchers". Aktiviti ini bukan sahaja menyeronokkan, malah turut membantu merangsang kreativiti dan koordinasi motor halus peserta.

Terima kasih kepada semua yang terlibat dan menyokong pengajuran aktiviti ini.



Oleh
Mohd Azran
Bin Yusoff

Daerah Setiu yang terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia, terkenal dengan kekayaan sumber daya alamnya, terutama dalam sektor perikanan. Para nelayan di Setiu sangat bergantung kepada laut sebagai mata pencarian utama mereka. Salah satu alat utama yang digunakan oleh nelayan untuk menangkap ikan adalah bot nelayan. Pembuatan bot nelayan di daerah ini memiliki peranan yang sangat penting, tidak hanya dalam meningkatkan hasil tangkapan, tetapi juga dalam memperbaiki kualiti hidup komuniti nelayan.

Jenis-jenis Bot Nelayan di Setiu

Di daerah Setiu, terdapat berbagai jenis bot yang digunakan oleh nelayan sesuai dengan jenis perikanan dan kedalaman perairan yang mereka hadapi. Jenis bot yang paling umum adalah sebagai berikut:

1. Bot Fiber

Diperbuat daripada bahan *fiber* atau fiberglass, bot ini lebih ringan dan tahan lama. Banyak digunakan oleh nelayan yang menangkap ikan di perairan pesisir pantai. Kelebihannya adalah mudah untuk dikendalikan dan lebih efisien dalam penggunaan bahan bakar.

Pembuatan Bot Nelayan di Daerah Setiu:

Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat Daerah Setiu

2. Bot Kayu Tradisional

Meskipun banyak digantikan oleh bot *fiber*, bot kayu tradisional masih tetap digunakan oleh beberapa nelayan yang lebih memilih untuk mempertahankan kaedah perikanan tradisional. Biasanya, bot kayu ini lebih besar dan dapat digunakan untuk menangkap ikan di perairan yang lebih dalam.

3. Bot Kecil (Pukat Jerat)

Bot kecil dengan rekabentuk sederhana sering digunakan oleh nelayan untuk menangkap ikan dengan kaedah jerat atau jaring. Bot ini biasanya dipakai untuk mencari ikan di sekitar terumbu karang atau pesisir.

Proses Pembuatan Bot Nelayan

Pembuatan bot nelayan di Setiu melibatkan proses yang cukup rumit, mulai dari pemilihan bahan, perancangan, hingga tahap pembuatan. Secara umum, tahap pembuatan bot nelayan adalah sebagaimana berikut:

1. Pemilihan Bahan

Pemilihan bahan mentah adalah langkah awal yang sangat penting. Untuk bot *fiber*, bahan yang digunakan adalah *fiberglass* dan *resin*. Ini kerana ketahanan terhadap hakisan akibat air laut dan memiliki daya tahan yang cukup lama.



Untuk bot kayu, kayu jenis meranti dan balau sering digunakan.

2. Rekabentuk dan Perancangan

Rekabentuk bot biasanya disesuaikan dengan nelayan setempat. Ukuran dan bentuk bot dibuat untuk memastikan kestabilan di laut, keselesaannya, dan kapasiti angkut yang cukup. Beberapa rekabentuk bot dibuat mengikut tradisi dan pengalaman turun-temurun.

3. Kedudukan dan Penyelesaian

Kedudukan bot dilakukan oleh tukang kayu atau tukang *fiberglass* yang sudah berpengalaman. Pada bot kayu, proses ini melibatkan pengukiran, penyambungan papan kayu, dan pemberian lapisan pelindung agar kayu tidak cepat reput. Untuk bot *fiber*, proses pembuatan dilakukan dengan teknik acuan *fiberglass* yang cukup rumit. Setelah selesai, bot diberikan sentuhan akhir untuk menambah ketahanan dan keindahan.

Cabaran dalam Pembuatan Bot Nelayan

Meskipun pembuatan bot nelayan memberikan banyak keuntungan, ada beberapa cabaran yang dihadapi oleh para pembuat bot dan nelayan di Setiu:

1. Kekurangan Bahan Mentah

Ketersediaan bahan mentah seperti *fiberglass*, resin, dan kayu berkualiti adakalanya terbatas.

2. Perubahan Iklim dan Cuaca

Perubahan cuaca yang tidak menentu menyebabkan ketidakstabilan dalam perairan Setiu. Ini menjadi halangan besar kepada para nelayan kerana dapat mempengaruhi kestabilan bot.

3. Masalah Pembiayaan

Kos pembuatan bot nelayan yang cukup tinggi menjadi masalah bagi kebanyakan nelayan untuk menggantikan bot lama mereka. Oleh kerana itu, kebanyakan nelayan terpaksa menggunakan bot yang telah usang.



Manfaat Pembuatan Bot Nelayan di Setiu

1. Peningkatan Hasil Tangkapan Ikan

Dengan adanya bot yang lebih baik, nelayan dapat pergi ke perairan yang lebih luas dan dalam yang membolehkan mereka menangkap lebih banyak ikan.

2. Pengurangan Kebergantungan Kepada Bot Sewa

Sebelum memiliki bot sendiri, nelayan di Setiu terpaksa menyewa bot dan setelah memiliki bot sendiri, mereka tidak lagi bergantung kepada sistem sewaan.

3. Meningkatkan Kesejahteraan Sosial

Komuniti nelayan Setiu menjadi lebih berdikari dan tidak lagi perlu bergantung kepada bantuan luar atau pihak ketiga dalam menjalankan kegiatan perikanan mereka.

Kesimpulan

Pembuatan bot nelayan di daerah Setiu memiliki peranan yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat pesisir pantai. Selain sebagai alat utama untuk menangkap ikan, bot nelayan juga merupakan simbol kemahiran dan kekuatan komuniti nelayan dalam menghadapi cabaran hidup.

Meskipun terdapat beberapa halangan dalam proses pembuatan dan pemeliharaannya, manfaat jangka panjang yang dihasilkan daripada bot yang lebih efisien dan tahan lama jelas sangat besar, baik dari segi ekonomi maupun sosial. Oleh kerana itu, perhatian daripada pihak berwajib dan sektor swasta dalam memajukan industri pembuatan bot nelayan sangat diperlukan untuk meningkatkan kesejahteraan nelayan di Setiu.



PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU

Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman

© 2025 Hak Cipta Terpelihara



<https://trglib.gov.my>